



جابتن حال إحوال إكثار اسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG



TELEFON : 04-2637200
FAKSIMILI : 04-2502810
<http://jaipp.penang.gov.my>

Ruj. Kami: JHEAIPP.D. 700-3/1/1 Jld.4 ¹⁶⁵
Tarikh : 17 Rejab 1444H
8 Januari 2023M

Imam Besar Masjid Negeri Pulau Pinang
Semua Pengerusi Masjid Daerah Negeri Pulau Pinang
Semua Pengerusi Qaryah Masjid Negeri Pulau Pinang

YBhg. Dato'/Tuan,

**EDARAN TEKS KHUTBAH JUMAAT "HALAL DAN BERKAT" BAGI BACAAN
PADA 10 FEBRUARI 2023M**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa bersama-sama ini disertakan **Teks Khutbah Jumaat** bagi bacaan pada **10 Februari 2023M (edisi kemaskini)**.
3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini ingin memohon kerjasama YBhg. Dato'/Tuan untuk memastikan Khatib yang bertugas membaca **Teks Khutbah Jumaat edisi kemaskini yang dilampirkan bersama Khutbah Kedua**. Khutbah ini juga boleh dimuat turun melalui portal JHEAIPP di <https://jaipp.penang.gov.my/>.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ Tuan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ZULKIFLI BIN RASHID)
Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

s.k. : Ketua Penolong Pengarah (Dakwah)
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah



جدوال قمبراچان خطبه جمعة

Siri 2/ 2023

(Bulan Februari Tahun 2023)

تاریخ	تاجوق	ب
3 Februari 2023M/ 12 Rejab 1444H	وسقادا تیفو دای سیر (Siber)	1.
10 Februari 2023M/ 19 Rejab 1444H	حلال دان برکة	2.
17 Februari 2023M/ 26 Rejab 1444H	مرءایه کبرکتن دوا بولن یغ ملیا	3.
24 Februari 2023M/ 3 Syaaban 1444H	کاسیپی قرابة هیدوف برکة	4.
خطبه کدوا		

دبیایای:



زکاة فولو فینغ

دتریتکن:



جابتن حال احوال اکام اسلام فولو فینغ



Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia

- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia

- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun

- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Halal dan Berkat

(10 Februari 2023M / 19 Rejab 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ

إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٦﴾ (سورة البقرة)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menyingkahkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh keberkatan dan keredaan serta perlindungan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** di dunia dan di akhirat.

Hadirin sekalian, tajuk khutbah pada hari ini ialah **“Halal Dan Berkat.”** Sebelum itu, mimbar ingin mengingatkan agar jemaah sekalian dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan.



Matikan telefon bimbit, janganlah berbual-bual atau tidur dengan sengaja, tidak menggerakkan tabung kutipan Jumaat serta tangguhkanlah urusanniaga yang dilakukan. Semoga kita semua mendapat manfaat melalui bicara mimbar pada hari ini.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Makanan daripada sumber yang halal merupakan perkara yang seharusnya diperhatikan dan ditekankan dalam kehidupan. Jangan sesekali cuba untuk melencong daripada konsep *halalan taiyyiban* yang telah digariskan syarak. Rezeki yang halal adalah punca keberkatan hidup serta kebahagiaan dunia dan akhirat. Halal tidak hanya tertumpu pada bahan atau sumber dalam makanan sahaja. Tetapi halal juga merangkumi, kaedah memperolehi pendapatan, cara yang digunakan untuk membeli serta menghasilkan hidangan makanan dan keperluan lain.

Contohnya, jika seseorang hendak membeli sebuku roti, maka perlu diteliti dahulu, adakah roti tersebut memiliki logo halal yang diiktiraf atau wujud bahan yang haram atau meragukan (syubhah). Dari sudut lain pula, yang perlu diperhatikan juga adalah wang yang digunakan untuk membeli sebuku roti tadi, adakah ia halal dari sudut sumbernya?

Hadirin sekalian, sebagai seorang muslim, kita disarankan supaya mencari rezeki daripada sumber pendapatan yang halal. Hayatilah sebuah hadis daripada Abi Hurairah رضي الله عنه, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada para nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah, “Wahai Rasul-Rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh.” Dan firman-Nya, “Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik-baik



yang telah Kami anugerahkan kepadamu. Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), berambut kusut-masai lagi tubuhnya diliputi debu, dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, “Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan dia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan?” (Hadis Riwayat Muslim)

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Halal bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak. Oleh yang demikian, patuhilah hukum syarak supaya kita dapat memilih sumber dan rezeki yang halal untuk kehidupan seharian. Halal yang dipilih akan membawa kepada keberkatan dalam kehidupan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Berkah pula membawa maksud bertambah (*az-ziyadah*) dan berkembang yakni kebaikan yang bertambah. Sebagaimana firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di dalam surah Al-A'raf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “Jikalau penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.”

Dalam melayari kehidupan, bekerjalah dengan penuh ketakwaan, takut dan gerunlah pada larangan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, tinggallah perbuatan yang membolehkan hilangnya keberkatan pada sumber pendapatan yang diperolehi. Antaranya membuang masa di tempat kerja, melakukan kerja sampingan selain tugas yang telah ditugaskan oleh majikan pada waktu bekerja, kualiti kerja yang rendah dan tidak amanah dengan pekerjaan.



HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Berhatilah-hatilah dan cermatlah dengan setiap hidangan buat diri dan keluarga. Pastikan ia halal dan baik sumbernya. Kita juga hendaklah menghindari rezeki yang berpunca daripada sumber haram dan syubhah seperti menipu, rasuah, riba, makan harta anak yatim, pecah amanah, judi, mencuri waktu kerja, mengurangkan timbangan, merompak dan sebagainya. Ingatlah bahawa rezeki yang diperolehi dan cara kita membelanjakannya akan dipersoalkan di hadapan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** pada hari akhirat kelak.

Hal ini berdasarkan hadis daripada Ibn Masud **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**, Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda:

لَا تَزُولُ قَدَمَا ابْنِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عِنْدِ رَبِّهِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ خَمْسٍ عَنْ عُمْرِهِ
فِي مَا أَقْنَاهُ وَعَنْ شَبَابِهِ فِي مَا أَبْلَاهُ وَمَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَ أَنْفَقَهُ وَمَاذَا عَمِلَ
فِي مَا عَلِمَ

Maksudnya: “Dua tapak kaki anak Adam tidak akan berganjak di sisi Tuhannya pada Hari Kiamat, hingga dia ditanya tentang lima perkara (iaitu): tentang umurnya untuk apa dia habiskan, tentang masa mudanya untuk apa dia gunakan, tentang hartanya dari mana dia dapatkan, dan dalam hal apa (hartanya tersebut) dia belanjakan dan apa sahaja yang telah dia lakukan dari ilmu yang dimilikinya.”
(Hadis Riwayat At-Tirmizi)

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sikap warak iaitu berhati-hati dalam menghasilkan pendapatan amatlah ditekankan, supaya diri dan keluarga terhindar daripada azab Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.



Sedikit selingan kisah sebagai renungan bersama. Ketika Saidina Abu Bakar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ makan, lalu hambanya memberitahu bahawa makanan yang dimakannya itu adalah hasil yang diterima daripada pekerjaan sebagai tukang tilik sebelum dia masuk Islam. Lantas Saidina Abu Bakar memasukkan jarinya ke mulut dan memuntahkan kesemua isi perutnya. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Bakar bahawa Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

كُلُّ لَحْمٍ نَبَتَ مِنْ سُخْتٍ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ

Maksudnya: "Setiap daging yang tumbuh dari sumber yang tidak halal, maka neraka yang lebih utama baginya."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Justeru itu, sayangilah diri dan keluarga kita, dengan bersikap lebih warak dalam memperolehi sumber pendapatan dan sumber keperluan untuk orang sekeliling yang amat dikasihi. Ingatlah ancaman Allah kepada orang yang melanggar larangannya.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Intipati yang dapat disimpulkan daripada khutbah pada hari ini adalah:

Pertama: Makanan yang halal perlu dilihat dari sudut bahan-bahan dan penyediaannya bagi memastikan ia *halalan taiyyiban*.

Kedua: Sumber rezeki perlu dipastikan ia halal. Bekerjalah dengan penuh integriti dan tingkatkan kualiti kerja, tidak kira sama ada bekerja dengan orang lain atau bekerja sendiri.

Ketiga: Bantulah ahli keluarga yang dikasihi dengan menyediakan sumber rezeki yang halal agar hidup lebih berkat dan diredhai Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.



Firman Allah di dalam surah Al Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ

مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





خطبة كدوا بولن فبرواري

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْإِيْتِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اْعَلُمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاحِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Baru-baru ini telah tular video yang memaparkan segelintir masyarakat Islam menyertai perayaan dan ritual keagamaan masyarakat bukan Islam. Antaranya ialah dengan menyertai perarakan keagamaan masyarakat bukan Islam.

Fatwa dan Garis Panduan Hukum Merayakan Perayaan Bukan Islam negeri Pulau Pinang jelas menyatakan bahawa hendaklah kita tidak terlibat



dalam meraikan perayaan-perayaan keagamaan masyarakat bukan Islam atas apa jua alasan sama ada atas dasar bertoleransi atau meraikan kepelbagaian masyarakat majmuk.

Dalam hal ini, memang benar Islam menggalakkan kita bersikap toleransi. Namun melibatkan diri secara langsung ke dalam ritual keagamaan seperti menyertai perarakan agama lain, adalah sesuatu yang haram dan perbuatan sedemikian dibimbangi boleh merosakkan akidah seorang Muslim.

Oleh sebab itu, hendaklah kita sama-sama berperanan menyebarkan fatwa dan garis panduan yang sedia ada kepada orang Islam dan bukan Islam, supaya wujud keadaan saling memahami dan menghormati hukum-hukum yang terdapat dalam agama yang berlainan.

Sebagai contoh, jika majlis kita yang berlainan agama menganjurkan perayaan dan ritual keagamaan dalam majlis tertentu, hendaklah kita memberitahunya secara berhikmah bahawa umat Islam adalah dilarang terlibat sama sekali dengan majlis tersebut.

Mudah-mudahan dengan kefahaman yang sedemikian, akan mewujudkan suasana yang lebih harmoni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan terpeliharalah umat Islam dari terlibat dalam meraikan perayaan keagamaan masyarakat bukan Islam di Malaysia.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِن سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.



Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara. Jauhkan kami dari tergolong dalam kalangan orang-orang yang mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥٧﴾

